



KENYATAAN MEDIA

PENAMATAN FASA AWAL ENDEMIK DAN PENGEMASKINIAN GARIS PANDUAN

Bandar Seri Begawan, Selasa, 24hb., Mei 2022

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jawatankuasa Pandu COVID-19 dengan ini memaklumkan bahawa, **Fasa Awal Endemik (*Early Endemic Phase*)** di bawah Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19 **yang akan berakhir pada hari Selasa, 31hb., Mei 2022 akan ditamatkan dan tidak akan diteruskan**. Oleh itu **bermula pada hari Rabu, 1hb., Jun 2022**, garis panduan langkah-langkah pengawalan COVID-19 akan dikemaskinikan seperti berikut:

- 1- Tidak ada sebarang had dikenakan bagi perkumpulan ramai (sama ada yang diadakan di rumah/kediaman persendirian atau dewan);**
- 2- Semua aktiviti kesukaran termasuk pertandingan atau perlawanan adalah dibenarkan dengan tidak ada had dikenakan bagi jumlah kehadiran penonton;**
- 3- Penyajian makanan bagi apa juu acara di mana-mana premis adalah dibenarkan tanpa sekatan, termasuk penyajian makanan secara *buffet*;**
- 4- Tidak ada sekatan had umur bagi jemaah-jemaah yang hadir di Masjid bagi Sembahyang Fardhu Juma'at dan sembahyang fardhu lima waktu. Oleh itu, kanak-kanak di bawah umur 12 tahun adalah dibenarkan untuk hadir ke masjid. Walau bagaimanapun, syarat penggunaan tikar sembahyang sendiri semasa Sembahyang Fardhu Juma'at dan sembahyang fardhu lima waktu adalah dikekalkan;**



5- Nasihat-nasihat kesihatan adalah dikemaskini seperti berikut:

- **Sungkup muka hendaklah dipakai jika berada di dalam bangunan awam;**
- **Pemakaian sungkup muka di luar bangunan adalah digalakkan terutamanya jika dalam keadaan penuh sesak;**
- **Penggunaan ujian ART digalakkan sebelum menghadiri acara dan pada bila-bila masa berasa kurang sihat atau mempunyai tanda-tanda jangkitan; dan**
- **Pemeriksaan suhu badan untuk masuk ke premis-premis tidak lagi dimestikan.**

Perubahan ini adalah mengambil kira kepada keadaan jangkitan harian COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang stabil, kadar vaksinasi bagi dos ketiga (dewasa dan remaja) termasuk kadar vaksinasi kanak-kanak yang tinggi, dan kes-kes jangkitan yang teruk (*severe cases*) serta kadar *bed occupancy* di pusat pengasingan adalah rendah. **Justeru itu, kita dapat kembali kepada keadaan kehidupan sebelumnya dengan penerapan norma baharu dalam kehidupan seharian kita.**

Pencapaian ini adalah berkat kerjasama semua pihak terutamanya rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang sentiasa berganding bahu mematuhi garis panduan kesihatan, termasuk sokongan berterusan semua pihak kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama memikul tanggungjawab masing-masing. Dalam hal ini, pematuhan Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedures – SOPs*) dan protokol kesihatan hendaklah diteruskan, sebagaimana yang telah dinyatakan tadi.

Sementara itu, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang berkeinginan untuk membuat perjalanan keluar negara adalah dikehendaki untuk mendapatkan **insuran perjalanan perubatan** sebelum keluar negara, yang mana insuran ini bukan sahaja dapat melindungi diri mereka daripada kos perubatan akibat jangkitan COVID-19, malah ianya meliputi kos-kos lain seperti rawatan penyakit-penyakit lain atau kehilangan beg, jika terjadinya sesuatu musibah yang tidak dapat dijangkakan.



Sebagaimana yang kita sedia maklum, negara-negara lain juga telah mula mengurangkan sekatan-sekatan termasuk meniadakan pengimbasan kod sebelum memasuki premis-premis serta membuka sempadan. Dalam hal ini, Jawatankuasa Pandu COVID-19 sedang membuat penelitian dan kajian terhadap beberapa keperluan lain iaitu pelaksanaan ART mingguan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan di sektor Kerajaan dan swasta; pengimbasan kod QR BruHealth; pembukaan sempadan darat dan laut; dan ujian swab *pre-departure*, yang mana hasil daripada penelitian ini dan tertakluk kepada situasi semasa nanti akan dimaklumkan kepada orang ramai pada satu tarikh kemudian.

Marilah kita sama-sama berdoa agar Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa memberikan perlindungan dan keselamatan kepada kita daripada jangkitan wabak COVID-19 ini. *Amin ya rabbal 'alamin.*

JAWATANKUASA PANDU COVID-19

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

23hb., Syawal 1443
24hb., Mei 2022



MEDIA STATEMENT

THE CESSATION OF EARLY ENDEMIC PHASE AND UPDATES TO GUIDELINES

Bandar Seri Begawan, Tuesday, 24rd May 2022

With the consent of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, the COVID-19 Steering Committee wishes to announce that **the Early Endemic Phase** under the National COVID-19 Recovery Framework – **which is set to end on Tuesday, 31st May 2022 – will be ceased.** In this regard, **beginning Wednesday, 1st June 2022,** the guidelines for COVID-19 control measures will be updated as follows:

- 1. No limitation on the capacity of mass gatherings (regardless of location, i.e. either at home or halls);**
- 2. All sporting activities including competitions or matches are allowed with no limitation on the number of spectators;**
- 3. Food preparation for any event at any premises is allowed without any restrictions including buffet meals;**
- 4. No age restriction for all congregations at mosques to perform the Friday prayer and five-time fardhu prayers. Therefore, children under 12 years old are allowed to attend. However, the condition to use their own prayer mats for Friday prayer and five-time fardhu prayers is maintained;**
- 5. Health advice is updated as follows:**
 - Face masks should be worn in public buildings;**
 - The use of face masks outdoors is encouraged especially in crowded places;**
 - The use of ART testing is encouraged prior to attending events and when not feeling well/symptomatic; and**



- **Body temperature checks to enter premises is no longer required.**

These changes take into account the situation of daily COVID-19 infections in Brunei Darussalam which has become stable; vaccination rates for the third dose (both adults and teenagers) including vaccination rates for children are high; as well as severe cases and bed occupancy rates at isolation centres are low. **To this end, we are able to return to our daily lives by adapting to the new normal.**

This achievement is a result of the cooperation of all parties, especially the citizens and residents of Brunei Darussalam who have worked together in complying to health guidelines, including their continuous support to the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam in jointly shouldering their respective responsibilities. In this regard, the Standard Operating Procedures (SOPs) and health protocols shall continue to be complied, as outlined earlier.

In addition, citizens and residents of Brunei Darussalam who wish to travel abroad are required to obtain **travel medical insurance** prior to their departure, for the purpose of not only protecting themselves from medical costs due to COVID-19 infection, but also to cover other costs including treatment of other diseases and loss of baggage, in the event of any unforeseen circumstances.

As it is known, other countries have also started to reduce restrictions including eliminating code scanning prior to entering premises as well as opening borders. In this regard, the COVID-19 Steering Committee is monitoring and reviewing several requirements, namely the implementation of weekly ART testing for officers and staffs at government and private sectors; BruHealth QR code scanning; opening of land and sea borders; and pre-departure swab tests. The outcome of these evaluation, subject to the current situation, will be announced to the public at a later date.

May Allah *Subhanahu Wata'ala* protect us from COVID-19. *Amin ya rabbal 'alamin.*

COVID-19 STEERING COMMITTEE

Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

23nd Syawal 1443
24rd May 2022